

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
MENGENAI FAHAMAN WAHDATUL WUJUD**

1. TAJUK PERSOALAN

Laporan ini dikemukakan kepada Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) Negeri Selangor bagi mendapatkan keputusan mengenai tasauf Wahdatul Wujud dalam Islam.

2. PERBINCANGAN

Mesyuarat telah sesebulat suara memebuat keputusan bahawa Ajaran Wahdatul Wujud adalah sesat dan menyeleweng. Ini kerana Ulama' Islam telah berijtima' bahawa ajaran ini adalah sesat/ kafir kerana bertentangan dengan konsep tauhid dan ketuhanan. Ini kerana :

- 2.1 Wahdatul Wujud mengatakan ; Tasauf itu adalah fardhu ain tetapi sebenarnya bukanlah fardhu ain kerana menurut Imam Al-Ghazali ia adalah satu pilihan.
- 2.2 Wahdatul Wujud adalah tanggapan akal nazori yang amat jelas bercanggah dengan roh Islam dan aqidah kaum muslimin.
- 2.3 Bagi Wahdatul Wujud; Allah dan makhluk adalah sama tetapi bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah, Allah adalah pencipta yang Khodim tidak sama dengan makhluk yang baru.
- 2.4 Wahdatul Wujud juga mentafsirkan Al-Quran dan As-Sunnah mengikut kepada maksud yang mereka kehendaki.
- 2.5 Wahdatul Wujud juga mengatakan semua agama di dunia ini adalah betul dan benar belaka kerana semuanya datang dari hakikat Muhammadiyah.

3. KEPUTUSAN

“Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’(FATWA) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang mukatabar didalam Islam dan keputusannya adalah fahaman Wahdatul Wujud ini adalah Haram”.